

SISTEM TERJEMAHAN BAHASA DIALEK TERENGGANU KEPADA BAHASA STANDARD

Mas Shazwin Nabella Binti Samsu

Lailatul Qadri Binti Zakaria

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Malaysia mempunyai 13 negeri yang terdiri dari kepelbagaian etnik, budaya mahupun bahasa tempatan yakni dialek yang digunakan dari zaman nenek moyang lagi. Penggunaan dialek ini telah menjadi tradisi kepada sesetengah negeri di Malaysia khususnya negeri di pantai timur Terengganu, Pahang dan Kelantan yang mempunyai keunikan dialek mereka sendiri. Bahasa dialek yang digunakan adalah pekat, unik dan berbeza dari bahasa standard Melayu. Kebanyakan perkataan dialek tersebut tiada dalam tafsiran kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini menfokuskan kepada terjemahan dialek Terengganu kepada bahasa standard. Maklumat mengenai bahasa dialek Terengganu ini hanya boleh didapati di media sosial seperti laman komuniti negeri Terengganu di (“Facebook”) dan melalui jurnal ilmiah. Dialek Terengganu kini semakin bertambah mengikut peredaran zaman. Kebanyakan dialek terkini adalah tidak formal dan sukar difahami. Oleh yang demikian ini menjadi satu kekangan kepada masyarakat luar untuk memahami dialek Terengganu. Tambahan, keunikan dialek yang digunakan telah menarik minat masyarakat luar untuk mempelajari, memahami dan menganalisa maksud dialek tersebut. Untuk menangani masalah ini, satu sistem terjemahan bahasa dialek akan dibangunkan untuk menterjemah bahasa dialek pada bahasa standard. Tujuan sistem ini adalah untuk membangunkan pangkalan data pengetahuan bahasa dialek yang mengandungi senarai bahasa dialek, senarai terjemahan bahasa standard serta perbezaan ciri bahasa dialek dan standard contoh penggunaan perkataan dalam ayat. Selain daripada itu, set peraturan perubahan struktur bahasa dialek kepada bahasa standard juga akan dikaji. Sistem ini diharap akan dapat membantu masyarakat memahami maksud perkataan dan penggunaan bahasa dialek itu sendiri.

1 PENGENALAN

Jika dilihat tafsiran perkataan 'dialek' itu sendiri, menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat 2007, (dialék) merupakan satu bentuk bahasa yang di-gunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah (negeri dll): ~ Kelantan; ~ Kedah; ~ sosial (Lin) variasi bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kumpulan sosial atau lapisan masyarakat bahasa, bahasa istana. Oleh itu, satu kaedah untuk mengatasi kelemahan e-pembelajaran dan pendekatan tradisional yang bersemuka, adalah melalui pembelajaran teradun. Pembelajaran teradun adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan kaedah konvensional iaitu secara bersemuka dan juga menggunakan pembelajaran maya melalui dalam talian. Norazila(1986), menjelaskan bahawa sesuatu bahasa atau dialek berbeza daripada bahasa atau dialek lain akibat daripada pengaruh alam dan persekitaran yang berlainan. Menurut beliau lagi perbezaan ini boleh dilihat menerusi sistem bunyi dan leksikal. Abdul Hamid Mahmood (1990), memetik Mario Pei (1968), mentakrifkan dialek sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk bahasa baku, baik dari segi sebutan, tatabahasa ataupun penggunaan kata-kata tertentu. Kelainan tersebut tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Dapatlah dikatakan bahawa dialek dituturkan oleh sekumpulan masyarakat dalam satu-satu kawasan untuk tujuan komunikasi dalam kehidupan seharian mereka. Secara am, dialek Terengganu digunakan oleh penduduk negeri Terengganu termasuk penduduk yang tinggal di sempadannya seperti negeri Kelantan di sebelah utara dan barat laut iaitu daerah Setiu dan negeri Pahang di sebelah barat dayanya sebagai contoh, penduduk Pahang disekitar kuantan juga boleh bertutur dan memahami dialek Terengganu. Projek ini akan memberi tumpuan kepada analisa dialek pantai timur iaitu dialek yang digunakan oleh penduduk Terengganu kepada bahasa standard. Menurut Asmah Haji Omar (1988) subdialek yang dituturkan di Kuala Terengganu dianggap sebagai dialek Terengganu standard. Tambah beliau lagi, Kuala Terengganu merupakan kawasan pusat budaya, pentadbiran dan perniagaan. Dengan demikian, subdialek yang dituturkan di situ juga sedikit sebanyak menjadi rujukan untuk dialek Terengganu, yang dianggap lebih tinggi daripada subdialek-subdialek lain.

2 PENYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti. Dialek Terengganu amatlah unik dan berbeza dari bahasa standard baik dari aspek fonologi, morfologi, sintaksis mahupun leksikal. Oleh yang demikian, dialek ini tidak semuanya terdapat terjemahan dari Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, sistem atau algoritma terjemahan dialek Terengganu kepada bahasa standard tiada. Sistem terjemahan dialek yang sedia ada hanya menfokuskan kepada dialek Perak sahaja. Oleh itu, sistem terjemahan bahasa standard kepada dialek Terengganu akan dibangunkan supaya masyarakat yang tertarik dengan dialek Terengganu itu sendiri dapat mempelajari dan membuat terjemahan dengan mudah.

Seterusnya, masyarakat juga menghadapi masalah dalam memahami dialek Terengganu kerana tiada medium seperti aplikasi terjemahan untuk dialek Terengganu yang dibangunkan. Selain itu, corpus hanya terdapat dalam bentuk manual sahaja seperti yang dibuat oleh blogger di blog. Masih tiada sistem yang sistematik yang boleh digunakan untuk menganalisa korpus dialek ini.


3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama projek ini adalah untuk menganalisis bahasa dialek Pantai Timur iaitu dialek Terengganu kepada Bahasa Standard yang berperanan untuk:

- i) Membangunkan pangkalan pengetahuan untuk bahasa dialek. Pangkalan pengetahuan ini akan mengandungi maklumat perkataan dialek, perkataan standard, ciri penting perkataan dialek.
- ii) Membangunkan set peraturan/petua bagi menterjemahkan perkataan dan ayat dialek kepada ayat standard.
- iii) Menguji keberkesanan pangkalan data dan set peraturan yang dibangunkan berdasarkan terjemahan terjemahan perkataan standard kepada dialek Terengganu dan kamus dialek kepada perkataan standard.

4 METOD KAJIAN

Penggunaan model pembangunan yang sesuai amat penting untuk memastikan perjalanan projek berjalan dengan lancar dan menjamin hasil kerja yang berkualiti. Metodologi yang digunakan untuk membangunkan sistem terjemahan dialek Terengganu kepada bahasa standard ialah Metodologi Air Terjun yang diubahsuai mengikut kesesuaian projek bagi membangunkan sistem analisa bahasa dialek kepada bahasa standard. Model ini terdiri daripada empat fasa penting iaitu fasa menganalisis masalah dan mengumpulkan maklumat penting untuk pembangunan sistem, mendapatkan corpus yang sesuai untuk dianalisa, menjalankan proses prapemprosesan, peraturan "rule based" dan membangunkan sistem, implementasi dan penambahbaikan dan akhir sekali adalah fasa pengujian dan penyelenggaraan sistem. Kelebihan penggunaan Metodologi Air Terjun ialah mudah difahami dan berfungsi. Selain itu metodologi ini juga cukup mudah untuk mengendalikan sebagai model yang tegar. Tambahan pula, metodologi ini juga berkeupayaan menjimatkan masa yang ketara dan membolehkan ujian dan analisis mudah .



Rajah 1: Metodologi Air Terjun

4.1 Fasa Analisis Masalah Dan Mengumpulkan Maklumat

Fasa pertama iaitu fasa analisis masalah dan mengumpulkan maklumat merupakan fasa terpenting untuk menjayakan keseluruhan projek ini. Hal ini demikian kerana, di fasa ini, pengkaji akan mengenal pasti masalah yang wujud untuk mendalami tujuan pembangunan sistem analisis dialek ini dibangunkan. Fasa ini juga adalah fasa di mana pengkaji mengumpulkan maklumat berkenaan dialek bahasa Terengganu.

4.2 Fasa Mendapatkan Korpus

Di fasa kedua, pengkaji akan mendapatkan perkataan dialek Terengganu samada dari media social, kamus dialek Terengganu yang dikeluarkan dari bloger tempatan mahupun dari lagu tradisional Terengganu sendiri. Perkataan dialek Terengganu tersebut akan disimpan dalam satu korpus untuk digunakan dalam proses membangunkan kamus secara sistematik. Tambahan, korpus dialek itu juga akan digunakan sebagai rujukan sewaktu fasa pengujian untuk memastikan hasil terjemahan bahasa standard kepada dialek Terengganu itu tepat.

4.3 Fasa Pembangunan Sistem.

Fasa ketiga merupakan fasa untuk memproses korpus tersebut. Pada fasa ini, pengkaji perlu menganalisis dialek itu dengan menggunakan teknik yang bersesuaian. Perkataan dialek yang telah diproses akan dikelaskan mengikut corak dialek itu sendiri menggunakan teknik automasi peraturan Terdapat 3 jenis peraturan dikenakan iaitu peraturan di awalan perkataan, di pertengahan perkataan dan di akhiran perkataan. Pengkaji akan mengenakan peraturan kepada sistem yang dibangunkan supaya dapat mengenalpasti dialek Terengganu tersebut dengan menterjemah maksud dan penggunaan perkataan dialek berkenaan. Selain itu, di fasa ini, pengkaji turut membangunkan satu antaramuka menggunakan modul (“Kivy”) yang berfungsi untuk memaparkan terjemahan perkataan dialek tersebut dalam paparan yang lebih kemas.

4.4 Fasa Implementasi Dan Pengujian Sistem

Fasa keempat ialah fasa implementasi dan pengujian sistem. Pada fasa ini, pengkaji perlu memastikan sistem yang dibangunkan menepati rajah 1.2 diatas tanpa sebarang kekangan dan penambahbaikan dari segi glosari dialek Terengganu akan dibuat dari semasa ke semasa mengikut komen pengguna supaya sistem yang dibangunkan berkualiti. Pada fasa terakhir, pengujian dan penyelenggaraan sistem, pengkaji akan melakukan ujian keatas 100 perkataan dialek Terengganu supaya sistem ini menepati kehendak dan mesra pengguna.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang hasil pembangunan dan kaedah pengujian terhadap sistem yang dibangunkan. Jangka masa yang panjang telah diambil untuk memastikan sistem ini berfungsi mengikut objektif projek yang telah ditetapkan. Tujuan fasa ini dilaksanakan adalah untuk memastikan sistem yang dibina menepati kehendak pengguna. Reka bentuk yang telah dilakukan di dalam fasa pembangunan sistem adalah berasaskan kod pengaturcaraan yang boleh berfungsi.

5.1 PERANCANGAN PENGUJIAN

Dialek Terengganu yang dikumpul diuji menggunakan perisian Pycharm. Teknik terjemahan bahasa menggunakan set peraturan dialek Terengganu dan juga berdasarkan kamus dialek Terengganu manual akan megenalpasti sesuatu perkataan itu boleh dklasifikasikan sebagai tepat atau tidak bergantung kepada output yang dikeluarkan. Beberapa modul yang dilakukan untuk mendapatkan hasil terjemahan yang terbaik iaitu modul pengumpulan data dan modul translasi dialek.

5.1.1 MODUL PENGUMPULAN DATA

Untuk menjayakan objektif sistem ini dibangunkan, pengkaji perlu mendapatkan kamus dialek Terengganu untuk dikodkan kedalam sistem supaya perkataan dialek Terengganu yang di input

oleh pengguna dapat diterjemah melalui kamus berkenaan. Namun sekiranya perkataan yang diinput tidak terdapat didalam kamus dialek Terengganu, perkataan tersebut akan diproses melalui teknik padanan oleh peraturan dialek Terengganu. Rajah 5.1 menunjukkan laman web kamus dialek Terengganu manual.

Kamus Bahasa / Seleng / Slang / Dialek / Loghat Terengganu

Loghat Tranung kiter ni kasar sket bagi sesetengah orang. Perkataan seperti bengong, natang, babi adalah biasa. Walaupun perkataan ini agak kasar, tapi tidaklah bermaksud orang melayu terengganu ini kurang sopan dalam pertuturan. Ader jugok satu perkataan boleh jadi banyok maksud. Jom sama-sama kita pelajari baser Tranung.... Mesti ader gop ser dua hok kita dok biaser guner.

BIL	PERKATAAN	MAKNA / PENERANGAN
1	abih	= habis
2	abih reng	= sehabis upaya
3	abih tea	= sekuat tenaga
4	acing perring	= bau handong kending
5	acu	= cuba
6	agah / beragah	= orang keck jenis berani
7	agoh	= orang yang sombong
8	air chor	= air basuhan bertakung dari dapur / air konkong
9	air geh	= air bikarbonat
10	air geh tujuh yupi - cap katung jogot2	= air 7 up
11	air mati / air kosong	= sky juice
12	air tuak	= air nira
13	aitu	= hait tu
14	amaih	= 50 sen (ie: samah(50sen), dua amah(rm1.00),tiga amah(rm1.50)
15	ambe	= saja
16	ambek	= ambil
17	amok reng	= malas gak tolong
18	angik netong	= hasil hangit kehitaman
19	anguh ketong	= sangat hangus
20	angus ketong	= sangat hangus
21	apah nyor	= hampas kelapa
22	aper ke jadah @ jadah	= apa ke hal
23	arung	= perlung
24	atak	= atap / bumbung
25	ator	= hantar
26	atu	= hantu
27	atur kecing	= sssshhh sssshh!! Supaya bayi kencing
28	awang	= awan
29	ayang	= ayam
30	ayor dok ayor gak	= ia tidak / sesungguhnya
31	babei	= degil
32	badi dang	= tentukan siapa yang paling cepat
33	bah	= bas
34	bahang	= ambil tanpa restu / pukul
35	bahang kattok	= kena pukul
36	bahang rambang	= buat kerja sambil lewa / ikut dang aje @ main redah
37	bahang tanah	= meninggal dunia
38	baik mbeng	= lebih baik
39	baju kumbe	= baju melayu

Rajah 5.1 Laman Web Kamus Dialek Terengganu Manual

Bagi proses di Pycharm, beberapa pakej perlu dimuat turun seperti rajah 5.2 supaya kamus dialek Terengganu dapat dipaparkan.

Project: FYP > Project Interpreter For current project

Project Interpreter: Python 3.7 (FYP) C:\Users\Bella\FYP\Scripts\python.exe

Package	Version	Latest version
Kivy	1.11.1	
Kivy-Garden	0.1.4	
Pygments	2.6.1	
certifi	2020.4.5.2	
chardet	3.0.4	3.0.4
click	7.1.2	7.1.2
docutils	0.16	0.16
idna	2.9	2.9
joblib	0.14.1	▲ 0.15.1
nlTK	3.5	3.5
numpy	1.18.3	▲ 1.19.0
pandas	1.0.3	▲ 1.0.5
pip	10.0.1	▲ 20.1.1
python-dateutil	2.8.1	2.8.1
pytz	2020.1	2020.1
regex	2020.5.7	▲ 2020.6.8
requests	2.24.0	2.24.0
setuptools	39.1.0	▲ 47.3.1
six	1.14.0	▲ 1.15.0
tqdm	4.46.0	▲ 4.46.1
urllib3	1.25.9	1.25.9

Rajah 5.2 Pakej Yang Dipasang Di Dalam Pycharm

Seterusnya, data set terengganu yang diguna pada fasa pengujian juga diperolehi daripada laman sosial komuniti Terengganu, rujuk rajah 5.3 di bawah.

Kumpulan mengikut Gabungan Anak Terengganu - GATE

Gabungan Anak Terengganu (Original) ✓

585.7K ahli

Sertai Kumpulan

Sertai Kumpulan

https://www.facebook.com/photo/?fbid=10210215425102589&set=p.102102154...

Rajah 5.3 Laman Sosial Komuniti Terengganu


Data set ini akan di inputkan ke dalam sistem untuk memastikan fungsi sistem yang dibangunkan mencapai objektif atau sebaliknya.

5.2 PENGUJIAN SISTEM


Proses pengujian sistem bertujuan untuk mengesan ralat atau masalah yang terdapat pada sistem yang dibangunkan. Sistem terjemahan dialek Terengganu kepada bahasa standard ini diuji berdasarkan fungsi utamanya iaitu peraturan dialek di awalan perkataan, pertengahan perkataan dan akhiran perkataan. Selain itu, kamus manual yang dibangunkan juga akan di uji keberkesanan fungsinya.

5.2.1 FUNGSI UNTUK DIUJI


Berdasarkan objektif sistem terjemahan dialek Terengganu kepada bahasa standard, fungsi fungsi untuk diuji telah disenaraikan dalam rajah rajah dibawah. Rajah 5.4 menunjukkan pengujian kepada fungsi peraturan dialek pada awalan perkataan, rajah 5.5 untuk peraturan pada pertengahan perkataan, rajah 5.6 untuk peraturan pada akhiran perkataan. Manakala rajah 5.7 pula adalah untuk memaparkan kamus dialek Terengganu dan rajah 5.8 untuk fungsi carian perkataan pada kamus dialek Terengganu yang telah dibangunkan.




Rajah 5.4 Pengujian Dialek Terengganu Pada Awal Perkataan.



Rajah 5.5 Pengujian Dialek Terengganu Pada Akhir Perkataan.



Rajah 5.6 Pengujian Dialek Terengganu Pada Pertengahan Perkataan.




```

rules_dialek x dictionary x
C:\Users\Bella\FYP\Scripts\python.exe C:/Users/Bella/PycharmProjects/FYP/dictionary.py
['PERKATAAN MAKNA / PENERANGAN;']
['Abih', 'habis;']
['abih reng', 'sehabis upaya;']
['abih tea', 'sekuat tenaga;']
['acing perring', 'bau hancing kencing;']
['acu', 'cuba;']
['agah/beragah', 'orang kecil jenis berani;']
['agoh', 'orang yang sombong;']
['air chor', 'air basuhan bertakung dari dapur / air longkang;']
['air geh', 'air bikarbonat;']
['air geh tujuh yupi - cap katung joget2', 'air 7 up;']
['air mati / air kosong', 'sky juice;']
['air tuak', 'air nira;']
['aitu', 'hari tu;']
['amah', '50 sen ;']
['ambe', 'saya;']
['ambek', 'ambil;']
['amok reng', 'malas nak tolong;']
['angik netong', 'nasi hangit kehitaman;']
['anguh letong', 'sangat hangus;']
['angus letong', 'sangat hangus;']
['apah nyor', 'hampas kelapa;']
['aper ke jadah @ jadoh', 'apa ke hal;']
['arung', 'harung;']
['atak', 'atap / bumbung;']
['ator', 'hantar;']

```

Rajah 5.7 Paparan Kamus Dialek Terengganu.



```

Enter a phrase: agoh
['agoh', 'orang yang sombong;']

Process finished with exit code 0

```

Rajah 5.8 Paparan Carian Perkataan Dialek .

5.2.2 HASIL PENGUJIAN SET PERATURAN

Bagi mendapatkan hasil ujian yang lebih tepat keatas fungsi set peraturan sistem yang telah dibangunkan, ujian terhadap 100 perkataan dialek Terengganu telah dijalankan. Semasa pengujian ini dilakukan, 100 perkataan dialek Terengganu telah dipilih secara rawak berpandukan kamus manual dialek Terengganu dan data daripada laman sosial Terengganu. 100 data berkenaan dibahagikan kepada 3 bahagian mengikut 3 set peraturan yang dibangunkan iaitu

peraturan awalan , pertengahan dan akhiran perkataan. Jadual 5.1 di bawah menunjukkan hasil pengujian 100 data yang telah dilaksanakan, jadual 5.2 menunjukkan hasil pengujian di awalan perkataan dialek, jadual 5.3 adalah hasil pengujian di pertengahan perkataan dialek dan jadual 5.4 pengujian di akhir perkataan dialek.

Bilangan Perkataan	Hasil Yang Tepat	Hasil Yang Tidak Tepat
Peraturan Awalan	12	Tiada
Peraturan Akhiran	68	2 Perkataan
Peraturan Pertengahan	20	Tiada

Jadual 5.1 Hasil Pengujian Perkataan Dialek

BIL	STANDARD		DIALEK	KEPUTUSAN
1	Orang	=	Urang	Tepat
2	Tolong	=	Tulung	Tepat
3	Seribu	=	Sribu	Tepat
4	Sekolah	=	Sekoloh	Tepat
5	Rimau	=	Ghima	Tepat
6	Motor	=	Mutur	Tepat
7	Khabar	=	Kabor	Tepat
8	Obor	=	Ubur	Tepat
9	Tolak	=	Tulak	Tepat
10	Sekali	=	Skali	Tepat
12	Selalu	=	Slalu	Tepat

Jadual 5.2 Pengujian Awalan Perkataan Dialek.

BIL	STANDARD		DIALEK	KEPUTUSAN
13	Sempit	=	Sepit	Tepat
15	Tumpang	=	Tupang	Tepat
16	Sentuh	=	Setuh	Tepat
17	Tempuh	=	Tepuh	Tepat
18	Lempar	=	Lepar	Tepat
19	Lantai	=	Lata	Tepat
20	Hampar	=	Hapar	Tepat

Jadual 5.3 Pengujian Pertengahan Perkataan Dialek.

BIL	STANDARD		DIALEK	KEPUTUSAN
21	Ada	=	Ade	Tepat
22	Baca	=	Bace	Tepat
23	Bangsa	=	Bangse	Tepat
24	Lama	=	Lame	Tepat
25	Makan	=	Makang	Tepat
26	Pendidikan	=	Pendidikang	Tepat
27	Ayam	=	Ayang	Tepat
28	Acap	=	Acak	Tepat
29	Cakap	=	Cakak	Tepat
30	Cukup	=	Cukuk	Tepat
31	Putus	=	Putuh	Tepat
32	Habis	=	Habih	Tepat
33	Kalis	=	Kalih	Tepat
34	Jenis	=	Jenih	Tepat

35	Gurau	=	Gura	Tepat
36	Pulau	=	Pula	Tepat
37	Kalau	=	Kala	Tepat
38	Salai	=	Sala	Tepat
39	Sungai	=	Sunga	Tepat
40	Banyaklah	=	Banyakloh	Tepat
41	Katak	=	Katok	Tepat
42	Selak	=	Selok	Tepat
43	Awan	=	Awang	Tepat
44	Bas	=	Bah	Tepat
45	Atap	=	Atak	Tepat
46	Bakar	=	Bakor	Tepat
47	Gegar	=	Gegor	Tepat
48	Jangan	=	Jangang	Tepat
49	Iman	=	Imang	Tepat
50	Kacau	=	Kaca	Tepat
51	Kata	=	Kate	Tepat
52	Malam	=	Malang	Tepat
53	Jalan	=	Jalang	Tepat
54	Jala	=	Jale	Tepat
55	Tekup	=	Tekuk	Tepat
56	Pantai	=	Panta	Tepat
57	Intai	=	Inta	Tepat
58	Tirai	=	Tira	Tepat
59	Tanya	=	Tanye	Tepat
60	Cawat	=	Cawak	Tepat
61	Buat	=	Buak	Tepat

62	Kereta	=	Kerete	Tepat
63	Kuat	=	Kuak	Tepat
64	Luar	=	Luor	Tepat
65	Mata	=	Mate	Tepat
66	Nasi	=	Nasik	Tepat
67	Sedap	=	Sedak	Tepat
68	Sebab	=	Sebak	Tepat
69	Tawar	=	Tawor	Tepat
70	Tidur	=	Tidor	Tepat
71	Wau	=	Wa	Tepat
72	Tukar	=	Tukor	Tepat
73	Ular	=	Ulor	Tepat
74	Sikit	=	Sikik	Tepat
75	Seluar	=	Seluor	Tepat
76	Suka	=	Suke	Tepat
77	Merah	=	Meroh	Tepat
78	Hijau	=	Hija	Tepat
79	Nak	=	Nok	Tepat
80	Apa	=	Ape	Tepat
81	Telinga	=	Teling	Tepat
82	Hantar	=	Hantor	Tepat
83	Selipar	=	Selipor	Tepat
84	Tumis	=	Tumih	Tepat
85	Tukar	=	Tukor	Tepat
86	Lantai	=	Lanta	Tidak tepat kerana perkataan yang sepatutnya dikeluarkan ialah 'Lata'.
87	Simen	=	Simeng	Tidak tepat kerana perkataan

				yang sepatutnya dikeluarkan ialah 'Seming'
88	Cetak	=	Cetok	Tepat
89	Tikam	=	Tikang	Tepat
90	Hujan	=	Hujang	Tepat
91	Tampar	=	Tampor	Tepat
92	Pelajaran	=	Pelajarang	Tepat
93	Hospital	=	Hospita	Tepat
94	Rumah	=	Rumoh	Tepat
95	Kantin	=	Kanting	Tepat
96	Cawan	=	Cawang	Tepat
97	Rasa	=	Rase	Tepat
98	Ya	=	Ye	Tepat
99	Letak	=	Letok	Tepat
100	Selalu		Selaluh	Tepat

Jadual 5.4 Pengujian Peraturan Di Akhir Perkataan.

6 KESIMPULAN

Sistem Terjemahan Dialek Terengganu Kepada Bahasa Standard merupakan sebuah sistem yang membantu pelancong untuk memahami dialek Terengganu dan kepada individu yang ingin belajar dialek Terengganu tersebut. Sistem ini juga berperanan untuk menukarkan ejaan standard kepada dialek Terengganu dengan menggunakan konsep padanan peraturan yang telah dibangunkan di dalam sistem ini. Secara keseluruhannya, Sistem terjemahan Dialek Kepada Bahasa Standard ini dapat membantu masyarakat yang tidak memahami dialek Terengganu khususnya pelancong yang berkunjung di negeri Terengganu kerana kebiasaan peniaga Terengganu menggunakan dialek yang pekat dalam urusan jual beli dan sebagainya. Bagi membangunkan sebuah sistem yang baik, perancangan yang teliti dan penggunaan metodologi yang sesuai perlu dititikberatkan.

7 RUJUKAN

Noor Rohana Manso 2013, Dialek Melayu Terengganu Pendokumentasian Dan Pengekalan Warisan Variasi Tempatan

Jabatan Bahasa dan Komunikasi Fakulti Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Terengganu.

<http://journalarticle.ukm.my/7558/1/02.pdf>

Bahasa Melayu Terengganu.

https://www.wikiwand.com/ms/Bahasa_Melayu_Terengganu

Terengganu Malay.

https://en.wikipedia.org/wiki/Terengganu_Malay

Nasrun Alias, James T. Collins, Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu sebagai

Wahana Komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi

Universiti Kebangsaan Malaysia.

<http://ejournals.ukm.my/jmelayu/article/view/22714/7199>

Melayu Terengganu.

https://en.wikipedia.org/wiki/Terengganu_Malay

Vokal dan Konsonan Dialek Terengganu Standard

http://studentsrepo.um.edu.my/3408/3/BAB_2.pdf